

ISU KESUBURAN LELAKI

Beroleh zuriat selepas jalani IVF



DIKURNIA CAHAYA MATA: Cik Nur Arini Suratman dan Encik Muhammad Zulfeqar Samsuri menyambut kelahiran anak sulung mereka, Ari Idris, pada 19 Disember 2022. Pasangan itu telah melalui proses persenyawaan in vitro (IVF) di Hospital Universiti Nasional (NUH) untuk mendapat anak. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

► IRMA KAMARUDIN
imak@sph.com.sg

SETELAH beberapa tahun menunggu, penantian Cik Nur Arini Suratman dan Encik Muhammad Zulfeqar Samsuri untuk mendapat cahaya mata akhirnya mencapai penghujungnya sekitar lima bulan lalu.

Pada 19 Disember 2022, pasangan itu menyambut kelahiran anak sulung mereka yang comel, Ari Idris.

Namun, perjalanan Cik Arini, 33 tahun, dan Encik Zulfeqar, 32 tahun, mendapat zuriat tidak semudah yang disangkakan.

Pasangan itu berkongsi mereka menerima berita akan meninang cahaya mata pertama mereka setelah melalui proses persenyawaan in vitro (IVF).

Selepas mendirikan rumah tangga pada Julai 2019, mereka berusaha selama setahun untuk mendapat anak, namun tidak berjaya.

Lalu, mereka memutuskan untuk mendapatkan bantuan rawatan kesuburan di Hospital Universiti Nasional (NUH).

Di situ, Cik Arini mendapat tahu beliau sebenarnya mengalami penyakit sindrom polisistik ovari (PCOS), manakala Encik Zulfeqar pula dimaklumkan beliau mempunyai jumlah sperma yang rendah.

“Kita rasa sedikit kecewa, tetapi lega juga kerana sekarang-kurangnya, sekarang kita tahu kita ada masalah yang boleh dirawat.”

“Selepas kita berjumpa dengan doktor dan fahami masalah yang kita ada, kita cuba mendapatkan rawatan dan ubah gaya hidup kita dalam usaha mendapatkan zuriat,” kata Encik Zulfeqar, seorang pengurus pembangunan dron.

Cik Arini, seorang pegawai komunikasi dan pendekatan, berkata beliau mengurangkan makanan yang mempunyai kandungan gula yang sudah diproses dan minum kopi tanpa kafein.

Sementara itu, Encik Zulfeqar, yang menghidapi gout, memutuskan untuk menghentikan pengambilan ubat bagi penyalakannya dan sebaliknya, mula menjaga kesihatannya dengan rapi selain mengambil makanan tambahan.

Menurut beberapa laporan saintifik, ubat bagi gout boleh menjejaskan kesuburan lelaki jika diambil untuk jangka panjang.

Encik Zulfeqar juga menukar pekerjaannya. Pekerjaannya sebelum ini memerlukan beliau menyelidik dan turun padang

NASIHAT BERTAHAGA...

“Pada saya, kalau nak ada anak perlu kedua-dua suami dan isteri. Ia bukan hanya masalah isteri atau masalah suami sahaja. Jangan fikir tentang apa orang lain cakap. Bila anda periksa masalah yang anda ada, anda akan tahu apa yang perlu dilakukan, sama ada untuk tukar gaya hidup, ambil ubat atau makanan tambahan, dan sebagainya. Ini semua untuk kebaikan diri sendiri dan juga cara untuk menolong isteri anda dan dapat anak.”

– Encik Muhammad Zulfeqar Samsuri.

“Mereka perlu merendahkan ego dan menerima kenyataan bahawa usaha mendapatkan zuriat memerlukan kededua pasangan memainkan peranan. Isu ini sering tidak terlintas di fikiran ramai lelaki, tapi mereka juga perlu menjalani ujian untuk melihat apakah mereka menyumbang kepada ketidaksuburan.”

– Encik Mimrah Mahmood.



PERLU BERFIKIR SECARA LOGIK: Cik Rafidah Jalil (kiri) dan Encik Mimrah Mahmood (kanan) bersama tiga anak mereka yang dikurniakan selepas menjalani rawatan IVF selama lebih lima tahun secara keseluruhan. – Foto ihsan RAFIDAH JALIL

Kaum Adam mungkin sumbang kepada masalah ketidaksuburan

suatu yang saya utamakan.

“Saya sedar akan kemungkinan masalah ketidaksuburan yang dialami kaum lelaki. Namun apabila mendapat berita itu, saya tetap terkejut, tetapi terus memikirkan tentang huraian terhadap isu ini, apa alternatif yang boleh kami lakukan untuk mendapatkan zuriat,” kata Encik Mimrah, kini 39 tahun.

Untuk mengawal emosinya, beliau memberi tumpuan kepada mencari huraian dan bersyukur doktor terus menyarankan alternatif dengan segera.

Rawatan IVF pertama mereka pada 2017 berhasil dan anak sulung pasangan itu lahir pada tahun itu.

Pasangan itu kemudian terus menjalani IVF selama lebih lima tahun dan kini mempunyai tiga anak – anak sulung berusia lima tahun dan sepasang kembar berusia tiga tahun.

Mereka dikurniakan sepasang kembar selepas menjalani pusingan IVF keempat ketika pandemik Covid-19 melanda.

Menurut Encik Mimrah, kaum lelaki perlu sedar bahawa mereka juga boleh mengalami masalah ketidaksuburan, bukan hanya wanita.

“Mereka perlu merendahkan ego dan menerima kenyataan bahawa usaha mendapatkan zuriat memerlukan kededua pasangan memainkan peranan. Isu ini sering tidak terlintas di fikiran ramai lelaki, tapi mereka juga perlu menjalani ujian untuk melihat apakah mereka menyumbang kepada ketidaksuburan,” katanya.

Apabila mendapat tahu tentang masalah bilangan air mani rendah yang menjejaskan peluang mereka mendapatkan zuriat, mereka berasa lega meskipun agak kecewa, menurut Cik Rafidah.

“Pada awalnya, kami berasa bimbang jika tiada air mani langsung, namun selepas menjalani pemeriksaan yang lebih mendalam, kami diberitahu masih ada sperma tetapi bilangannya rendah.”

“Ini sebenarnya memberikan kami harapan untuk mempunyai anak sendiri,” kata Cik Rafidah.

Tambahan lagi dengan diagnosis doktor, pasangan itu kini tahu akan masalah ketidaksuburan yang dihadapi dan huraian yang boleh diusahakan.

Cik Rafidah berkata: “Saya beruntung kerana suami saya seorang yang berfikir logik, memahami sains serta kemungkinan di sebalik apa yang kami hadapi.”

“Beliau yang membantu saya mengawal emosi saya yang agak terkejut apabila perlu menjalani IVF pada usia 31 tahun.”

“Kami juga amat bertuah kerana ibu bapa dan keluarga kami memberikan sokongan – fizikal dan juga emosi – yang padu dan amat diperlukan semasa proses IVF itu. Ini amat penting bagi kami.”

► SITI AISYAH NORDIN
naisyah@sph.com.sg

APABILA beliau dan isteri belum dikurniakan zuriat setelah lebih setahun mencuba, Encik Mimrah Mahmood, sedar beliau mungkin menyumbang kepada masalah tersebut.

Meskipun tidak mengalami sebarang petanda, Encik Mimrah sedar bahawa sebahagian besar lelaki mengalami masalah ketidaksuburan yang mungkin menjejaskan usaha mendapatkan zuriat.

Berdasarkan kesedaran tersebut, beliau tidak teragak-agak untuk menjalani pemeriksaan pada 2017 bersama isterinya, Cik Rafidah Jalil, untuk menentukan sama ada masalah yang dihadapi mereka boleh dirawat atau tidak.

Setelah menjalani pemeriksaan pada 2017, Encik Mimrah diberitahu doktor bahawa bilangan sperma daripada air maninya, atau *sperm count*, terlalu rendah dan mereka perlu menjalani rawatan persenyawaan in vitro, atau in-vitro fertilisation (IVF) serta merta jika ingin mempunyai anak.

Ini meskipun isterinya, Cik Rafidah Jalil, tidak mengalami sebarang masalah ketidaksuburan.

“Sejak dahulu lagi saya memang cukup prihatin jika ada sebarang masalah kesihatan yang saya hadapi, jadi saya tak pernah teragak-agak untuk menjalani pemeriksaan kesihatan, ini se-